



## JABATAN ALAM SEKITAR MALAYSIA

### GARISPANDUAN KELULUSAN BERTULIS (KB) TERHADAP PEMASANGAN PERALATAN LAMA JANAKUASA, KEBUK WASAP (*FUME CUPBOARD*) DAN HUD BAGI PREMIS BUKAN INDUSTRI



## 1.0 PENGENALAN

- 1.1 Garispanduan ini adalah bertujuan untuk memudahcara (*facilitate*) pegawai pemproses KB di Pejabat JAS Negeri dalam menilai, menyemak dan pengeluaran syarat permohonan KB bagi peralatan **LAMA** seperti janakuasa, kebuk wasap (*fume cupboard*) dan hud khususnya ke atas **premis bukan industri** seperti makmal perubatan, kemudahan penyelidikan, makmal sekolah dan institusi pengajian. Garispanduan ini juga dapat membantu pemohon (konsultan/vendor/industri) dalam mengemukakan permohonan KB untuk peralatan-peralatan lama yang telah dipasang di mana sesetengah pemasangan peralatan adalah **sebelum** pewartaan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 1978.
- 1.2 Kebanyakan permohonan KB bagi peralatan lama adalah untuk tujuan *legalization* pematuhan undang-undang dan juga keperluan pensijilan di bawah MS:ISO 14001. Bagi maksud ini, terdapat kesukaran dari pemohon di mana kemungkinan lukisan kejuruteraan dan maklumat spesifikasi mahu pun risalah peralatan berkenaan tiada lagi dalam simpanan berikutan perubahan hakmilik dan sebagainya. Selain itu, pemasangan peralatan berkaitan juga tidak memberi kesan yang signifikan kepada alam sekitar kerana kadar penggunaan yang minimal seperti tunggu sedia.
- 1.3 Perbincangan dan maklumat awal juga telah diadakan antara Bahagian Penguatkuasa JAS HQ bersama pegawai-pegawai JAS Selangor, JAS Negeri Sembilan dan JAS WPKL pada 18 Oktober 2013.

## 2.0 ASAS-ASAS PERTIMBANGAN

### 2.1 KB JANAKUASA

- 2.1.1 Hanya janakuasa yang dipasang **sebelum tahun 2000 sahaja** dipertimbangkan untuk diproses mengikut garispanduan ini;
- 2.1.2 Kriteria-kriteria memprosesan yang perlu diambilkira adalah;
- a. Jarak penerima sensitif dari premis;
  - b. *Layout Plan* janakuasa yang menunjukkan lokasi penempatan dan *receptor*;
  - c. Ketinggian bangunan
  - d. *Acoustic Consideration* melalui *sound level measurement* sebenar; dan
  - e. Keperluan pemasangan alat kawalan tambahan (e.g *silencer*) dan rumah janakuasa sekiranya bunyi bising yang dihasilkan melebihi had dibenarkan.
- 2.1.3 Maklumat-maklumat permohonan masih perlu dikemukakan menggunakan Borang AS16B bagi perkara-perkara berikut;
- a. Bahagian A (1-3);
  - b. Bahagian B (4) – maklumat katalog enjin dan carta/sijil *noise rating* boleh dikecualikan;
  - c. Bahagian B (5-7);
  - d. Bahagian B (8) – *Acoustic consideration* dibuat berdasarkan *sound level measurement* sebenar dan pemasangan *silencer* dan rumah janakuasa sekiranya bunyi bising melebihi had dibenarkan; dan
  - e. Bahagian B (9-11)
- 2.1.4 Maklumat senarai semak bagi perkara 5-7 boleh dikecualikan.

## **2.2 KB KEBUK WASAP (*FUME CUPBOARD*) DAN HUD**

2.2.1 Kelulusan bertulis, KB bagi kebuk wasap (*fume cupboard*) dan hud premis bukan industri seperti fasiliti makmal (perubatan, makmal hospital, makmal analisa sampel dan penyelidikan) adalah diperlukan berdasarkan kriteria-kriteria berikut;

- a. Frekuensi penggunaan dan analisa yang kerap (*commercial based lab*);
- b. Jarak penerima sensitif dari premis;
- c. Alat kawalan (*e.g. scrubber*) perlu dipasang sekiranya ketinggian cerobong tidak memenuhi spesifikasi dan terdapat penerima sensitif, *e.g* cerobong kebuk wasap makmal perubatan di tingkat bawah hospital; dan
- d. *Performance monitoring* alat kawalan berkenaan perlu dijalankan oleh *competence person*.

2.2.2 Maklumat permohonan perlu dikemukakan menggunakan Borang AS16D1

**Disediakan oleh:**

**BAHAGIAN PENGUATKUASA**

**JAS IBU PEJABAT**

**06 JANUARI 2014**